

Headline	Bayar dam, korban melalui Tabung Haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Sep 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	17	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	86 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,121
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,362



Bayar dam, korban melalui Tabung Haji

MEKAH 26 Sept. - Jemaah haji Malaysia dinasihat supaya membuat bayaran dam dan ibadah korban menerusi Tabung Haji (TH) di Mekah bagi mengelakkan mereka diperdaya oleh pihak tertentu yang tidak dikenali.

Timbalan Ketua Rombongan Haji TH, Tengku Aziz Raja Abdullah berkata terdapat pihak-pihak tertentu yang tidak dikenali di tanah suci sedang menawarkan perkhidmatan ibadah sampingan termasuk badal haji, pembayaran dam dan pembelian binatang untuk ibadah korban.

"Mereka adalah orang yang tidak dikenali dan tidak dilantik oleh Tabung Haji dan orang ramai dinasihat agar tidak mudah percaya dengan pujuk rayu mereka," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Tinjauan Bernama mendapati ramai anak-anak muda yang boleh berbahasa Melayu mendakwa mereka adalah pelajar di tanah suci dan bersedia mengambil upah untuk badal haji, pembayaran dam dan mewakili jemaah untuk ibadah korban dengan harga yang lebih rendah berbanding TH.

"Jangan berikan sesuatu kepada orang yang tidak dikenali kerana tiada sebarang jaminan bahawa amanah ibadah mereka itu akan ditunaikan mengikut syariat," katanya.

Tengku Aziz berkata, walaupun bayaran yang ditawarkan adalah lebih rendah, kemungkinan mereka membeli binatang yang tidak cukup sifatnya ataupun tidak melakukannya.